

Mustapa yakin tiada pihak akur lobi boikot

UM 26 OCT 2003

PASIR MAS 25 Okt. — Pengarah Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed yakin tidak ada mana-mana pihak di dunia yang akan akur dengan ugutan yang dibuat oleh kumpulan lobi Yahudi di Amerika Syarikat supaya memboikot pelaburan di negara ini.

Beliau berkata, ini kerana Malaysia yakin dunia memahami pendirian negara ini berhubung isu sebenar orang Yahudi.

Sebaliknya ugutan itu dibuat semata-mata untuk menunjukkan kehebatan dan kuasa yang ada pada golongan berkenaan, jelasnya.

“Memang mereka ada kuasa ekonomi di Amerika Syarikat dan seluruh dunia. Jadi, mereka nak tunjuk kuasa ini. Ini bukan pertama kali mereka berbuat demikian. Mereka tidak boleh ditegur langsung tetapi kita yakin dunia memahami pendirian Malaysia dan ia (ugutan) tidak akan berlaku,” katanya kepada pemberita, di sini, malam tadi.

Beliau ditemui selepas merasmikan Markas Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Tendong, di sini.

Mustapa diminta mengulas seruan sebuah kumpulan lobi Yahudi di Amerika Syarikat (AS) supaya memboikot pelaburan di Malaysia berikutan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed yang disalah tafsir oleh media Barat sebagai anti-Yahudi pada sesi pembukaan Sidang kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, minggu lalu.

Seruan itu dibangkitkan oleh Simon Wienthal Centre di AS supaya pelabur dan pelancong memboikot Malaysia berikutan apa yang dianggap sebagai ucapan anti-Yahudi oleh Dr. Mahathir.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, seruan kumpulan itu adalah tidak wajar kerana didasarkan kepada petikan ucapan yang disalah tafsir oleh media Barat.

Abdullah berkata, Malaysia bagaimanapun tidak bimbang dengan seruan itu kerana kerajaan percaya para pelabur membuat pertimbangan berdasarkan faktor-faktor keselamatan, keamanan dan persekitaran ekonomi yang baik.